

# Perangi penjenayah: PM

Polis perlu sedia hadapi apa juga cabaran hapus ancaman pengganas

Oleh Anwar Hussin  
dan Hardi Effendi Yaacob

**K**UALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahukan Polis Diraja Malaysia (PDRM) memerangi penjenayah dan pengganas habis-habisan bagi melenyapkan terus ancaman anasir itu seperti dilakukan pada zaman menentang komunis.

Perdana Menteri menegaskan, kumpulan penjenayah dan pengganas mesti diperangi dengan apa cara sekalipun tanpa kompromi, kerana mereka bukan saja menyusahkan masyarakat, malah boleh menjejaskan kedudukan sosioekonomi dan politik negara.

"Saya gunakan perkataan pepera-

ngan kerana perkataan ini memberi pengertian sebenar dalam menghapuskan mereka. Kehadiran mereka menyusahkan dan menakutkan masyarakat serta mengancam keamanan dan keselamatan negara.

"Kalau setiap anggota dan pegawai PDRM mempunyai semangat kental dan cekat seperti yang dimiliki anggota polis ketika zaman penentangan komunis, pasti usaha melumpuhkan pengganas dan penjenayah akan tercapai," katanya.

Beliau menegaskan demikian ketika merasmikan Majlis Perhimpunan Khas Sambutan 200 Tahun Pasukan PDRM di Pusat Latihan Polis (Pulapol) di sini semalam. Turut hadir, Ketua Polis Negara, Tan Sri Musa Hassan.

Abdullah yang juga Menteri Keselamatan Dalam Negeri, berkata anggota polis perlu bersedia menghadapi apa juga cabaran bagi mencapai matlamat itu.

"Dulu, ketika menentang komunis, polis terpaksa mengharungi hutan dan berhadapan dengan serangan gerila. Saya percaya warga PDRM kini juga boleh mengikuti jejak mereka dan berhadapan dengan cabaran daripada pengganas dan penjenayah zaman sekarang," katanya.

Beliau berkata, cabaran menghadapi pengganas dan penjenayah zaman sekarang lebih sukar kerana kebanyakan kumpulan itu menggunakan peralatan dan komunikasi lebih canggih serta teknologi tinggi, selain dibiayai pihak yang mempunyai ke-

mampuan kewangan.

Katanya, kumpulan pengganas dan penjenayah kini mempunyai dana yang besar untuk memperoleh senjata lebih canggih dan mempunyai jaringan hubungan luas hingga ke luar negara untuk melarikan diri daripada pihak berkuasa.

"Cara pengganas dan penjenayah sekarang turut berubah; berbanding ketika zaman penentangan pengganas komunis. Kini kegiatan penjenayah bukan saja merebak di bandar, tapi juga di luar bandar. Jadi kemampuan lebih harus diberi oleh PDRM.

"Untuk itu, kemampuan PDRM harus ditingkatkan demi menjamin keselamatan negara dan rakyat. Saya

**“**Penjenayah menakutkan masyarakat serta mengancam keamanan dan keselamatan negara”

Abdullah Ahmad Badawi  
Perdana Menteri

**BANKRAKYAT**

LIHAT MUKA 2

## DARI MUKA 1

tidak menafikan peranan PDRM dalam hal ini amat besar dan saya harap dan percaya PDRM akan terus maju," katanya.

"Ancaman komunis kini sudah tiada, tetapi ancaman bahaya lain boleh menjejaskan keselamatan negara sekiranya kemantapan PDRM tidak dikekalkan," katanya.

Perdana Menteri berkata, kerajaan bersetuju membina lebih banyak pusat latihan serta kemudahan untuk menambah 60,000 lagi anggota polis bagi meningkatkan kemampuan PDRM.

PDRM juga, katanya, perlu memberi penekanan dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi serta forensik bagi melahirkan anggota berkualiti.

"Saya sentiasa mengambil perhatian kepada langkah pengstruktur semula PDRM yang dilakukan Ketua Polis Negara dan perubahan ini memang diperlukan PDRM.

"Kerja polis bukan sama dengan yang lain, ia terdedah kepada bahaya. Walaupun ada kritikan terhadap polis, ia perlu dihadapi dengan cekat. Maka, imbuhan yang perlu diberi kepada warga PDRM juga mesti adil dan saksama," katanya.

Abdullah berkata, Badan Bertindak Pelaksanaan Negara (NITF) akan bertemu segera dengan Musa bagi mempercepatkan proses memenuhi keperluan PDRM menerusi Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

Beliau yang juga Pengerusi NITF berkata, pertemuan itu penting bagi mengatasi pelbagai kekurangan dihadapi PDRM supaya tidak menjejaskan kualiti dan kredibiliti pasukan itu.

"Antara keperluan PDRM yang akan dibincangkan ialah kenaikan gaji dan elaun PDRM serta penambahan anggota polis," katanya.

Pada majlis itu, Abdullah turut menyampaikan anugerah "Friends of Police" kepada Pengerusi Majlis Latihan Khidmat Negara, Tan Sri Lee Lam Thye; Pengarah Eksekutif Yayasan Strategik Sosial dan Perusahaannya Suhakam, Datuk Dr Denison Jayasooria; Pengurus Besar Bernama, Datuk Azman Ujang; Ketua Pengarang Kumpulan Utusan, Datuk Khalid Mohd dan Ketua Meja Jenayah The Star, Lourdes Charles.

Anugerah tahunan bagi menghargai sumbangan dan kerjasama individu, agensi dan kumpulan yang terbabit dalam mempromosi usaha PDRM membanteras jenayah serta menyedarkan rakyat mengenai kepentingan dan sejarah PDRM.